

28 JUL, 2026

Isu elektrik, internet di Labu selesai



Kosmo, Malaysia

Isu elektrik, internet di Labu selesai

- Bekalan elektrik sering terputus pada musim perayaan
- Ahmad Faez pastikan pencawang baru dibina

Oleh NUR SHARIEZA ISMAIL

SEREMBAN – Rekod menyelesaikan pelbagai isu kemudahan asas yang telah berlarutan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Labu menjadi antara pencapaian yang diketengahkan calon Pakatan Harapan (PH), Datuk Ahmad Faez Abdul Razak dalam usaha meyakinkan pengundi pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Negeri Sembilan.

Menurut beliau, sepanjang menjalankan tanggungjawab sebagai penyelarar DUN Labu, beberapa masalah utama yang membelenggu penduduk berjaya diselesaikan menerusi kerjasama erat antara pelbagai agensi kerajaan, termasuk isu gangguan bekalan elektrik dan liputan telekomunikasi di Kampung Gadong SC.

Ahmad Faez berkata, masalah bekalan elektrik yang sering berlaku terutama ketika musim perayaan telah membebaskan penduduk selama hampir lima tahun sebelum akhirnya dapat diatasi dalam tempoh kira-kira tiga bulan selepas beliau mengemukakan perkara itu kepada pihak berkaitan.

Katanya, beliau hanya mengetahui masalah berkenaan se-



AHMAD FAEZ bersalaman dengan kariah ketika program walkabout di Masjid Gadong, Seremban semalam.

lepas dihubungi ketua kampung yang bertanyakan sama ada beliau boleh menyediakan sebuah generator (genset) bagi kegunaan penduduk ketika musim perayaan.

"Saya agak terkejut apabila dimaklumkan perkara itu kerana kampung ini hanya terletak kira-kira 10 minit dari bandar, tetapi masih berdepan gangguan bekalan elektrik yang berulang setiap kali musim perayaan.

"Selepas berbincang dengan ketua kampung, saya dimaklumkan masalah itu telah berlarutan lebih lima tahun. Kami kemudian

berusaha mengenal pasti lokasi yang sesuai bagi membolehkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) membina sebuah pencawang elektrik baharu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada siri walkabout sempena kempen PRN Negeri Sembilan di Kampung Gadong Jaya dan Kampung Kilang Padi, di sini semalam.

Menurut Ahmad Faez, hasil kerjasama TNB, Pejabat Daerah serta semua agensi berkaitan, pembinaan pencawang elektrik itu berjaya disiapkan dalam tempoh kira-kira tiga bulan, sekali

gus menamatkan masalah yang sebelum ini gagal diselesaikan walaupun permohonannya telah dibuat sejak bertahun-tahun.

Selain isu bekalan elektrik, beliau berkata masalah liputan telekomunikasi di Kampung Gadong SC yang turut menjadi rungutan penduduk sejak sekian lama juga berjaya diselesaikan melalui pembinaan dua menara telekomunikasi.

Dalam pada itu, Ahmad Faez berkata pelbagai inisiatif kebajikan yang diperkenalkan Kerajaan Negeri Sembilan turut memberi kesan positif kepada penduduk di DUN Labu kerana bantuan disalurkan kepada rakyat secara menyeluruh bermula dari peringkat kelahiran sehingga warga emas.

Beliau berkata, penglibatan secara langsung dalam menyampaikan bantuan kerajaan kepada rakyat membolehkan beliau mengenali masyarakat setempat dengan lebih dekat serta memahami sendiri keperluan mereka tanpa mengira latar belakang politik.

"Ramai mengenali saya kerana saya sendiri turun padang menyampaikan bantuan melalui pelbagai inisiatif kerajaan negeri. Bantuan ini diberikan kepada semua rakyat tanpa mengira fahaman atau parti politik.

Pada PRN Negeri Sembilan, kerusi DUN Labu menyaksikan pertandingan tiga penjujur memabitkan Ahmad Faez, calon Barisan Nasional, Siti Nur Umalra Hashim, dan penyandang kerusi daripada Bersatu, Mohamad Hanifah Abu Baker.

INFO KAWASAN DUN LABU

JUMLAH PENGUNDI

- 32,884 orang berdaftar (sehingga Mei 2026)

DEMOGRAFI

- Gabungan kampung tradisional Melayu, taman perumahan, Bandar Enstek, kawasan perindustrian, serta koridor pembangunan Malaysia Vision Valley
- Majoriti terdiri daripada pengundi biasa seramai 32,869 orang dan 15 pengundi polis dan pasangan
- Dari segi komposisi jantina, terdapat 16,330 pengundi lelaki dan 16,554 pengundi perempuan